

Isu perpindahan peniaga BB Plaza berjaya diselesaikan

KUALA LUMPUR - Seramai 167 penyewa lot niaga di Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) di sini menarik nafas lega apabila isu perpindahan mereka ekoran projek My Rapid Transit (MRT) berjaya diselesaikan semalam.

Penyelesaian itu adalah hasil daripada tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menjadi 'orang tengah' dalam rundingan antara pemilik bangunan BB Plaza, UDA Holdings Bhd. dan Jawatankuasa Bertindak Selamatkan BB Plaza (JBSBP) dengan MRT Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp).

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ketiga-tiga pihak bersepakat hanya kiosk-kiosk di kaki lima BB Plaza dipindahkan memandangkan kerja-kerja awalan projek tersebut akan bermula pada 8 Julai ini.

"Pihak MRT Corp. bersetuju membayar pampasan kepada kesemua lima kiosk yang



KERATAN *Kosmo!* 29 Jun 2012.

terlibat mengikut nilai yang dipersetujui," katanya selepas rundingan tersebut.

Lima kiosk itu ialah kafe Gloria Jeans, Hot & Roll, kafe Starbucks Coffee, kafe First Cup dan sebuah premis pengurup wang.


Menurut Ismail Sabri, UDA Holdings pula bersetuju menurunkan kadar sewa bulanan kepada penyewa lot niaga kerana menjangkakan berlaku penurunan kunjungan pelanggan ke BB Plaza.

Katanya, isu merobohkan BB Plaza pula terletak di tangan pemilik baharu bangunan tersebut sekiranya UDA memutuskan untuk menjualnya.

"Kerajaan akan memastikan hak peniaga untuk terus menyewa di lot baharu dilindungi.

"Pihak UDA juga bersetuju memaklumkan setiap butiran dan perkembangan terkini status bangunan tersebut kepada pihak-pihak yang terlibat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi JBSBP, Has-



PRIHATIN...Ismail Sabri (kiri) berbual dengan para peniaga ketika melakukan lawatan ke pusat beli-belah BB Plaza, Kuala Lumpur semalam.

san Saad berkata, para penyewa berpuas hati dengan keputusan tersebut yang dianggap menang-menang.

"Keuntungan jangka masa panjang bakal diraih peniaga apabila projek ini siap kelak kerana ia akan menjadi transit bagi kira-kira 20,000 orang dalam tempoh satu

jam di sini," katanya.

Kosmo! pada Jumaat lalu melaporkan pihak kerajaan digesa campur tangan untuk membatalkan keputusan merobohkan pusat beli-belah BB Plaza yang dilihat sebagai pusat perniagaan strategik orang Melayu di Kuala Lumpur.